



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
TINGKAT 9, GAYA CENTRE
JALAN TUN FUAD STEPHENS
BEG BERKUNCI NO 2073
88999 KOTA KINABALU
SABAH

TELEFON : 088-260741/2/3/4

FAKS : 088-260731

PEJABAT PENDAFTAR

E-mel: papenums@ums.edu.my

Ruj Kami : **UMS/PN 2.1/P5/2**

Tarikh : 13 Disember 1999

PEKELILING PENDAFTAR BIL. 05/99

Dekan Sekolah Sains dan Teknologi
Dekan Sekolah Sains Sosial
Pemangku Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi
Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
Dekan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat
Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial
Dekan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial
Dekan Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan
Dekan Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa
Dekan Pusat Pengajian Seni
Ketua Unit Penyelidikan Marin Borneo
Ketua Unit Penyelidikan Biologi Tropika dan Pemuliharaan

Assalamualaikum wa rahmatullahi wa barakatuh

YBhg. Prof. Dato'/Tuan/Puan,

PERATURAN DAN GARIS PANDUAN BAGI PERLANTIKAN PENILAI LUAR UMS

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan Peraturan/Garis Panduan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah UMS (LPU) dalam mesyuaratnya yang ketujuh pada 6 Disember 1999 yang lalu.

Bagi Sekolah-sekolah yang telah mempunyai calon dan telah diluluskan oleh Senat, sukacita dapat dikemukakan butir-butir berikut ke pejabat ini untuk tindakan selanjutnya:

- i. Satu salinan kertas yang telah dikemukakan kepada Senat.
- ii. Butir-butir diri (CV) calon (jika tidak dinyatakan di dalam kertas yang dinyatakan pada perenggan (i) di atas.
- iii. Tempoh/jangkawaktu yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak (Sekolah/Calon).
- iv. Tugasan yang akan dilaksanakan oleh penilai luar (mohon dirujuk perkara 3 dan 4 peraturan dan garis panduan yang disediakan).

Bagi Sekolah yang belum mengemukakan calon bagi tujuan yang dinyatakan di atas, sukacita sekiranya dapat dikemukakan kepada Mesyuarat Senat yang akan datang.


Perbincangan dalam Mesyuarat Senat Bil. 6/99 (Ke-25) pada 10 Disember 1999 adalah dirujuk.

Sekian, terima kasih.

' BERTEKAD CEMERLANG '

Yang ikhlas

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



HELA LADIN MOHD. DAHALAN

Pendaftar

b.p. Naib Canselor

- s.k.:
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Dekan Pusat Pengajian Pasca Siswazah

HLMD:mk

mword/pekipendaftar599

**PERATURAN DAN GARIS PANDUAN
BAGI PERLANTIKAN PENILAI LUAR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

1. PENDAHULUAN

Peraturan dan garis panduan ini dinamakan **Peraturan dan Garis Panduan Perlantikan Penilai Luar Universiti Malaysia Sabah**.

2. KELAYAKAN PENILAI LUAR

- 2.1 Penilai Luar hendaklah seorang ahli akademik dan sedang dalam perkhidmatan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi di dalam atau di luar negara.
- 2.2 Seorang pakar dalam sesuatu bidang dan terkenal sebagai seorang sarjana di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- 2.3 Penilai Luar hendaklah dicadangkan oleh Sekolah, dan diperakukan oleh Senat.

3. BIDANG TUGAS PENILAI LUAR

- 3.1 Seseorang penilai luar hendaklah memberi perhatian terhadap perkara-perkara berikut:
 - 3.1.1 Kursus dan perincian silibus sesuatu program.
 - 3.1.2 Kemudahan peralatan pengajaran dan pembelajaran, termasuk kemudahan makmal dan perpustakaan.
 - 3.1.3 Sistem penggredan/penilaian tugasan, laporan projek tahun akhir, serta mutu soalan peperiksaan dan kertas jawapan.
 - 3.1.4 Jam pertemuan pelajar-pensyarah dan beban kerja pelajar.
 - 3.1.5 Syarat kemasukan ke sesuatu program dan mutu pelajar.
 - 3.1.6 Aktiviti penyelidikan di Sekolah.
- 3.2 Penilai Luar hendaklah berjumpa dan mengadakan perbincangan dengan pelajar dan pensyarah.

4. TUGAS-TUGAS LAIN PENILAI LUAR

- 4.1 Memberi ulasan berkenaan dengan persekitaran akademik di sesebuah sekolah, dengan penekanan ke arah aktiviti pensyarah dalam penyelidikan dan kerja-kerja konsultasi, kontak luar negeri dan *benchmarking* sekolah.
- 4.2 Memberi seminar dalam bidang yang berkaitan kepada warga universiti.
- 4.3 Mengadakan perbincangan dengan pelajar-pelajar pasca siswazah.

5. TEMPOH LANTIKAN PENILAI LUAR

- 5.1 Penilai Luar dijemput sekali setiap 3 tahun, dan seorang penilai untuk setiap program. Seseorang penilai, walaubagaimanapun, boleh menjadi penilai untuk beberapa program sekaligus.
- 5.2 Tempoh lantikan adalah sekurang-kurangnya 10 hari, dan tidak boleh melebihi 14 hari.
- 5.3 Seseorang yang dilantik Penilai Luar tidak dibenarkan membuat apa-apa kerja lain selain dari kerja-kerja yang telah ditetapkan oleh Universiti.
- 5.4 Seseorang Penilai Luar boleh, dengan kelulusan Universiti, membuat lawatan kerja ke Kampus Cawangan atau makmal luar atau lapangan bagi tujuan penilaian.

6. TANGGUNGJAWAB SEKOLAH/PUSAT

- 6.1 Sekolah menyediakan ruang pejabat dan kemudahan-kemudahan lazim untuk Penilai semasa di Universiti Malaysia Sabah.
- 6.2 Penilai diberi kebebasan untuk bertemu dengan tenaga pengajar dan pelajar.
- 6.3 Maklumat terperinci disediakan berkenaan dengan sesuatu program serta kurikulumnya untuk makluman Penilai.

7. KEMUDAHAN DAN FAEDAH KEPADA PENILAI LUAR

Seseorang Penilai Luar akan diberi kemudahan seperti berikut:

- a. Elaun Makan
- b. Bayaran hotel/penginapan di hotel yang ditetapkan oleh universiti.

(Bayaran a & b di atas adalah berasaskan kepada kadar bayaran yang sedia ada mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1992).
- c. Pengangkutan
 - Tiket penerbangan kelas ekonomi, dan bayaran tambang teksi daripada Lapangan Terbang ke hotel.
 - Pengangkutan/kenderaan daripada tempat tinggal ke kampus sewaktu menjalankan tugas.
- d. Honorarium sebanyak RM1,500 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Lima Ratus Sahaja), selain daripada kemudahan-kemudahan a – c di atas.

8. LAPORAN OLEH PENILAI LUAR

Sebelum Penilai Luar menamatkan tugas dan meninggalkan universiti, penilai berkenaan hendaklah:

- 8.1 Mengemukakan laporan bertulis (SULIT) kepada Naib Canselor mengenai hasil penelitian dan penilaian.

- 8.2 Atas budi bicaranya mengadakan perbincangan dengan Dekan dan ahli-ahli Sekolah yang dinilai sebelum laporan dikemukakan kepada Naib Canselor.
- 8.3 Tidak membentang atau mengemukakan hasil laporannya kepada mana-mana pihak di luar UMS.

Disediakan oleh:

Pejabat Pendaftar
Universiti Malaysia Sabah